

## SELPHY CP1200

COMPACT PHOTO PRINTER

# Panduan Pengguna Pencetak

### B.Malaysia

- Pastikan anda membaca panduan ini, termasuk bahagian “Peringatan Keselamatan”, sebelum menggunakan pencetak.
- Membaca panduan ini akan membantu anda belajar menggunakan pencetak dengan betul.
- Simpan panduan ini dengan selamat supaya anda boleh menggunakannya pada masa hadapan.
- Klik butang di bahagian bawah sebelah kanan untuk mengakses halaman yang lain.
  - ▶: Halaman seterusnya
  - ◀: Halaman sebelumnya
  - 🔍: Halaman sebelum anda mengklik pautan
- Untuk melangkaui ke permulaan sesuatu bab, klik tajuk bab di bahagian kanan.  
Dari halaman tajuk bab, anda boleh mengakses tajuk dengan mengklik tajuknya.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran




## Kandungan Bungkus

Sebelum penggunaan, pastikan item berikut termasuk di dalam bungkus. Jika ada apa-apa yang hilang, hubungi peruncit yang menjual pencetak ini kepada anda.




□ Pencetak SELPHY



□ Penyesuai Kuasa Padat CA-CP200 B



□ Kord Kuasa



□ Kaset Kertas PCP-CP400

- Bahan bercetak juga disertakan.

## Dakwat dan Kertas (Dijual Berasingan)

Sebelum menggunakan, beli Set Dakwat Warna / Kertas.

Set Dakwat Warna / Kertas			Kaset Kertas yang Diperlukan
Nama Produk	Saiz Kertas	Bilangan yang Boleh Dicitak	
Set Dakwat Warna / Kertas KP-36IP (Poskad)	Saiz Poskad	36	Kaset Kertas PCP-CP400 (termasuk dengan SELPHY)
Set Dakwat Warna / Kertas RP-54 (Kertas Foto)		54	
Set Dakwat Warna / Kertas RP-108 (Kertas Foto)		108	
Set Dakwat Warna / Kertas RP-1080V (Kertas Foto)		1080	
Set Dakwat Warna / Kertas KP-108IN (Kertas Foto)	Saiz L	108	Kaset Kertas PCPL-CP400*
Set Dakwat Warna / Kertas KL-36IP		36	
Set Dakwat Warna / Kertas KL-36IP 3-pek		108	
Set Dakwat Warna / Kertas KC-36IP	Saiz Kad	36	Kaset Kertas PCC-CP400*
Set Dakwat Warna / Label KC-18IF (Label Halaman Penuh)		18	
Set Dakwat Warna / Label KC-18IL (8 Label setiap Halaman)		18	
Set Dakwat Warna / Label KC-18IS (Label Segi Empat Sama)		18	

\* Beli bersama dengan Set Dakwat Warna / Kertas.  
Ketersediaan aksesori berbeza mengikut daerah.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Sebelum Penggunaan

- Imej yang dicetak dengan produk ini adalah untuk penggunaan peribadi. Pencetakan bahan hak cipta yang tidak dibenarkan adalah dilarang.
- Jaminan pencetak adalah sah hanya di dalam negara atau kawasan pembelian. Jika pencetak bermasalah semasa berada di luar negara, kembali ke kawasan pembelian sebelum menghubungi Canon Customer Support Help Desk.
- Walaupun monitor LCD dihasilkan dalam keadaan pembuatan ketepatan yang sangat tinggi dan lebih daripada 99.99% piksel memenuhi spesifikasi reka bentuk, dalam kes terpicil sesetengah piksel mungkin rosak atau kelihatan seperti titik merah atau hitam. Ini bukan kepincangan pencetak, dan tidak mempengaruhi imej yang dicetak.
- Monitor LCD mungkin dilapisi dengan filem plastik nipis untuk perlindungan daripada calar semasa penghantaran. Jika demikian, tanggalkan filem sebelum penggunaan.

## Kelaziman dalam Panduan Ini

- Dalam panduan ini, pencetak dirujuk sebagai “SELPHY” atau “pencetak”.
- Ikon digunakan dalam panduan ini untuk mewakili butang pada SELPHY. Rujuk “Kawalan” (📖6) untuk butiran.
- Teks atau ikon pada skrin ditunjukkan dalam tanda kurung siku, seperti dalam [ ].
- ⓘ: Maklumat penting yang anda patut tahu
- 📌: Nota dan tip bagi penggunaan pakar
- 📖xx: Halaman dengan maklumat berkaitan (Dalam contoh ini, “xx” mewakili nombor halaman.)
- Arahan dalam panduan ini digunakan untuk pencetak di bawah tetapan lalai.
- Untuk kemudahan, semua kad memori yang disokong hanya disebut sebagai “kad memori” sahaja.

## Peringatan Keselamatan

- Sebelum menggunakan produk, sila pastikan bahawa anda membaca peringatan keselamatan yang diterangkan di bawah. Sentiasa pastikan produk digunakan dengan betul.
- Nota peringatan keselamatan di halaman berikut bertujuan untuk mengelakkan diri anda dan orang lain daripada kecederaan, atau kerosakan pada peralatan.
- Pastikan juga untuk memeriksa panduan yang disertakan bersama sebarang aksesori yang dijual berasingan yang anda gunakan.



### Amaran

Menandakan kemungkinan kecederaan yang serius atau kematian.

- **Simpan peralatan ini di luar capaian kanak-kanak dan bayi.** Melilit kord kuasa secara tidak sengaja di sekeliling leher kanak-kanak boleh menyebabkan sesak nafas.
- **Gunakan hanya sumber kuasa yang disarankan.**
- **Jangan cuba membuka, mengubah suai atau mengenakan haba kepada produk.**
- **Elakkan daripada menjatuhkan atau mendedahkan produk terhadap hentakan yang kuat.**
- **Untuk mengelakkan risiko kecederaan, jangan sentuh bahagian dalaman produk jika produk telah dijatuhkan atau rosak.**
- **Berhenti menggunakan produk dengan segera jika produk menghasilkan asap, bau yang pelik atau berfungsi secara abnormal.**
- **Jangan gunakan pelarut organik seperti alkohol, benzin atau pencair untuk membersihkan produk.**
- **Jangan biarkan produk terkena air (mis. air laut) atau cecair lain.**
- **Jangan benarkan cecair atau objek asing memasuki produk.** Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran. Jika cecair terkena pada produk, cabut palam produk dari sumber kuasa dan bertanya peruncit anda atau Canon Customer Support Help Desk.
- **Jangan sentuh pencetak atau palam kuasa semasa ribut petir.** Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran. Berhenti menggunakan peralatan dengan segera dan jarakkan diri anda daripadanya.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



- Cabut kord kuasa secara berkala dan gunakan kain kering, lapkan sebarang debu atau kotoran yang terkumpul pada palam, bahagian luar sumber kuasa dan kawasan sekeliling.
- Jangan kendalikan kord kuasa dengan tangan yang basah.
- Jangan gunakan peralatan melebihi kadar kapasiti sumber kuasa elektrik atau aksesori pendawaian yang telah ditetapkan. Jangan gunakan jika kord kuasa atau palam telah rosak, atau tidak dimasukkan sepenuhnya ke dalam sumber kuasa.
- Jangan biarkan kotoran atau objek logam (seperti pin atau kunci) terkena terminal atau palam.
- Jangan potong, rosakkan, ubah atau letakkan item berat pada kord kuasa.

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

- Jika CD-ROM dibekalkan, jangan mainkannya dalam pemacu CD yang tidak menyokong CD-ROM data.

Kehilangan pendengaran mungkin terjadi akibat mendengar bunyi kuat CD-ROM yang dimainkan oleh pemain CD muzik dengan menggunakan fon kepala. Selain itu, memainkan CD-ROM di dalam pemain CD audio (pemain muzik) boleh merosakkan pembesar suara.



### Awas

Menandakan kemungkinan kecederaan.

- Jangan letakkan mana-mana bahagian tangan anda ke dalam bahagian dalaman pencetak.
- Letakkan SELPHY di lokasi yang selamat di mana orang lain tidak akan tersandung pada kord kuasa.

Kegagalan melakukan ini boleh menyebabkan kecederaan atau kerosakan pencetak.

- Elakkan daripada menggunakan, menempatkan atau menyimpan produk di tempat-tempat berikut:

- Tempat yang terkena sinaran matahari secara langsung
- Tempat dengan suhu melebihi 40 °C (104 °F)
- Tempat yang lembap atau berdebu
- Tempat yang terkena getaran kuat

Ini mungkin menyebabkan pemanasan berlebihan atau kerosakan pada pencetak atau penyesuai, yang mungkin menyebabkan kejutan elektrik, lecuran, kecederaan lain atau kebakaran.

Suhu tinggi mungkin mengubah bentuk produk atau penyesuai.

### Awas


Menandakan kemungkinan kerosakan pada peralatan.

- Cabut palam produk dari sumber kuasa apabila anda tidak menggunakannya.
- Jangan letakkan sebarang benda, seperti kain, di atas pencetak apabila digunakan.

Membiarkan unit di palam masuk untuk tempoh yang terlalu lama mungkin menyebabkan pemanasan berlebihan dan herot, mengakibatkan kebakaran.

- Jangan gunakan semula kertas untuk mencetak, walaupun kebanyakan kertas adalah kosong, seperti yang ditunjukkan.

Menggunakan semula kertas mungkin merosakkan pencetak jika kertas tersekat atau helaian dakwat melekat pada kertas.



- Jangan cabut palam pencetak semasa sedang mencetak.

Jika anda mematikan kuasa pencetak secara tidak sengaja semasa mencetak, hidupkan semula pencetak dan tunggu sehingga kertas dikeluarkan. Jika kertas tersekat dan tidak boleh dikeluarkan, hubungi peruncit anda atau Canon Customer Support Help Desk. Jangan cuba mengeluarkan kertas yang tersekat dengan kuat, yang mungkin merosakkan pencetak.

- Jangan gunakan pencetak berdekatan motor atau peranti lain yang menjana medan magnet yang kuat, atau dalam persekitaran berdebu. Ini mungkin merosakkan pencetak atau menyebabkan kepincangan.

### Penutup

#### Kandungan

#### Nama Bahagian

#### Operasi Asas

#### Tetapan Cetak

#### Mencetak melalui Wi-Fi

#### Mencetak melalui Kabel USB

#### Penyelesaian Masalah

#### Lampiran



## Kandungan

Kandungan Bungkus .....2
Dakwat dan Kertas (Dijual Berasingan).....2
Sebelum Penggunaan .....3
Kelaziman dalam Panduan Ini.....3
Peringatan Keselamatan .....3
Kandungan .....5
Nama Bahagian .....5

## Operasi Asas ..... 7

Persediaan Awal .....8
Kad/Imej yang Disokong .....13
Mencetak Imej (Pilih & Cetak) .....14
Menyimpan Cetakan .....16
Selepas Mencetak.....17

## Tetapan Cetak ..... 18

Mencetak Semua Imej .....19
Memotong Imej.....20
Mencetak Gambar ID.....21
Memilih dan Mencetak Imej daripada Sejarah (Cetak semula).....23
Melaraskan Tetapan.....24

## Mencetak melalui Wi-Fi..... 33

Mencetak daripada Telefon Pintar...34
Mencetak dari Kamera.....37
Mencetak dari Komputer.....39
Fungsi Wi-Fi lain.....47

## Mencetak melalui Kabel USB... 50



Mencetak dari Komputer (Windows).....51
Mencetak dari Komputer (Mac OS) .....53
Mencetak dari Kamera.....54

## Penyelesaian Masalah..... 55

## Lampiran ..... 60

Mencetak tanpa Sumber Kuasa.....61
Spesifikasi.....62
Pengendalian dan Penyelenggaraan .....63
Peringatan Wi-Fi (LAN Wayarles) ...64

## Nama Bahagian



\* Kabel keselamatan, seperti kunci Kensington, boleh dipasangkan pada slot ini.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi


Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Kawalan



Ikron dalam Panduan Ini	Nama	Fungsi
①	-	Skrin (Monitor LCD) Paparkan imej, skrin tetapan atau mesej ralat (📖59)
②	<⏻>	Butang kuasa Menghidupkan atau mematikan SELPHY (📖12)
③	<☰>	Butang MENU Memaparkan skrin menu (📖12)
④	-	Butang EDIT Memaparkan menu pengeditan dan memutar bingkai potong
⑤	<📶>	Butang Wi-Fi Memaparkan skrin tetapan untuk kaedah sambungan Wi-Fi (📖47)
⑥	<OK>	Butang OK Memastikan item yang dipilih
⑦	<▲>	Butang Atas/+ Menentukan bilangan cetakan atau memilih item tetapan
⑧	<▼>	Butang Bawah/-
⑨	<◀>	Butang kiri
⑩	<▶>	Butang kanan
⑪	<🔍>	Butang pembesaran Menukar mod paparan, memperbesar bingkai potong
⑫	<🔍>	Butang pengecilan Menukar mod paparan, mengecilkan bingkai potong
⑬	<↶>	Butang kembali Mengembalikan skrin sebelumnya (📖25), membatalkan pencetakan (📖14)
⑭	<🖨️>	Butang cetak Memulakan pencetakan (📖14)

## Maklumat Pada Skrin



## Menukar Mod Paparan

Tekan butang <🔍> untuk paparan skrin penuh pada resolusi yang lebih tinggi. Kawasan cetakan digariskan. Tekan butang <🔍> untuk mengembalikan paparan imej tunggal. Tekan butang <🔍> untuk melihat sembilan imej secara serentak. Tekan butang <🔍> untuk mengembalikan paparan imej tunggal.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



# Operasi Asas

Bab ini memperkenalkan operasi pencetakan asas seperti menyediakan SELPHY, memilih imej pada kad memori dan menentukan bilangan salinan.

<b>Persediaan Awalan</b> .....	<b>8</b>
Menyediakan Kaset Dakwat.....	8
Menyediakan Kaset Kertas.....	9
Memuatkan Kaset.....	10
Memasang SELPHY.....	11
Bahasa Paparan.....	12
<b>Kad/Imej yang Disokong</b> .....	<b>13</b>
Kad Memori yang Disokong.....	13
Imej yang Disokong.....	13

<b>Mencetak Imej (Pilih &amp; Cetak)</b> .....	<b>14</b>
Mengelakkan Kertas Lebihan.....	15
Mencetak dari Pemacu Kilat USB.....	16
Menghasilkan Satu Cetakan daripada Imej yang Dipilih.....	16
<b>Menyimpan Cetakan</b> .....	<b>16</b>
<b>Selepas Mencetak</b> .....	<b>17</b>

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui  
Wi-Fi

Mencetak melalui  
Kabel USB

Penyelesaian  
Masalah

Lampiran




## Persediaan Awalan

Sediakan untuk pencetakan seperti berikut. Contoh ini menunjukkan Set Dakwat Warna / Kertas Saiz Poskad (dijual berasingan, [📖2](#)) tetapi ikuti langkah yang sama untuk saiz lain.

Elakkan debu terkena pada helaian dakwat atau kertas, yang mungkin mengakibatkan jaluran atau merosakkan pencetak ([📖4](#)).


## Menyediakan Kaset Dakwat



Helaian dakwat

### Periksa kaset dakwat dan helaian dakwat.

- Pegang kaset dakwat tanpa menyentuh helaian dakwat, periksa saiz (seperti “SAIZ POSKAD” atau “SAIZ KAD”) untuk memastikan kaset dakwat sepadan dengan saiz kertas yang akan anda cetak.
- Pastikan helaian dakwat adalah tegang. Helaian dakwat yang longgar mungkin terkoyak apabila dimuatkan. Jika helaian longgar, putar gegancu seperti yang ditunjukkan.
- Untuk kaset dakwat yang mempunyai kunci di bahagian bawah, tekan kunci (seperti yang ditunjukkan) untuk membukanya semasa anda memutar gegancu untuk menegangkan helaian tersebut.



- Jangan pegang kaset dakwat dengan tangan yang basah. Elakkan menyentuh helaian dakwat dan debu terkena pada helaian dakwat. Kotoran atau lembapan mungkin menyebabkan jaluran atau mempengaruhi kualiti cetakan, mengoyakkan helaian dakwat dan menghalang pencetakan, atau merosakkan pencetak ([📖4](#)).
- Apabila memutar gegancu, putar dengan perlahan sehingga helaian menjadi tegang. Memaksa atau mengetatkan gegancu dengan terlalu kuat mungkin mengoyakkan helaian dakwat dan menghalang pencetakan, atau SELPHY mungkin kehabisan dakwat sebelum kertas habis.
- Jangan gunakan semula kaset dakwat. Ini mungkin menyebabkan pencetakan imej yang salah, kertas tersekat dan kepingangan produk.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi


Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Menyediakan Kaset Kertas



### 1 Periksa saiz kertas.




- Periksa saiz pada kaset kertas (seperti "SAIZ POSKAD" atau "SAIZ KAD") untuk memastikan kaset kertas sepadan dengan kaset dakwat.

### 2 Buka kedua-dua penutup.


- Terdapat dua lapisan penutup. Mula-mula, buka penutup bahagian luar (1) dan kemudian penutup bahagian dalam (2).

### 3 Muatkan kertas.

- Muatkan kertas ke dalam kaset kertas.
- Kaset kertas menampung sehingga 18 helaian. Memuatkan 19 helaian atau lebih mungkin merosakkan pencetak atau menyebabkan kepincangan.
- Pegang kertas seperti yang ditunjukkan, muatkan kertas dengan sisi berkilat di atas. (Jangan sentuh sisi kertas yang berkilat, yang mungkin mempengaruhi kualiti cetakan.)
- Buang sebarang lapisan pelindung daripada kertas dan hanya muatkan kertas ke dalam kaset.
- Apabila menghasilkan cetakan poskad dengan ruang untuk setem, muatkan kertas dengan kawasan setem menghadap seperti yang ditunjukkan.



### Mencetak pada Kertas Saiz L



### 4 Tutup penutup bahagian dalam.

- Tutup penutup bahagian dalam dengan kukuh sehingga ia klik masuk ke tempatnya.
- Biarkan penutup bahagian luar terbuka apabila mencetak.

- Anda boleh menggunakan Kaset Kertas PCPL-CP400 (dijual berasingan) untuk mencetak pada kertas saiz L.
- Untuk mencetak pada kertas poskad, keluarkan penyesuai seperti yang ditunjukkan.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah


Lampiran








- Penggunaan Set Dakwat Warna/Kertas Canon yang tulen untuk pencetak SELPHY CP adalah disarankan untuk mencapai pencetakan yang betul dan prestasi produk ini yang cemerlang.
- Set Dakwat Warna/Kertas Canon untuk SELPHY ES dan poskad tidak boleh digunakan dengan produk ini.
- Jangan lakukan perkara berikut, yang mungkin merosakkan pencetak atau menyebabkan kepingangan.

- Muatkan kertas secara terbalik, dengan sisi berkilat dan sisi belakang diterbalikkan
- Bengkokkan atau pisahkan kertas pada tempat tebukan sebelum mencetak
- Menggunakan kertas label yang permukaan label di bahagian atasnya telah dikoyak atau ditarik separuh
- Menulis pada kertas sebelum mencetak
- Menggunakan semula kertas, seperti mencetak pada kawasan kosong (📖4)



- Jangan sentuh spring pada kaset kertas. Membengkokkan spring secara tidak sengaja mungkin menghalang pemasangan kertas yang berkesan.
- Ambil perhatian bahawa sebuah spring dipasang di bahagian tengah atas kaset kertas bersaiz kad.
- Elakkan menyentuh atau menggosok sisi cetakan kertas yang berkilat. Jangan pegang kertas dengan tangan yang basah dan pastikan tiada debu pada kertas. Kotoran atau lembapan mungkin menyebabkan jaluran atau mempengaruhi kualiti cetakan, atau merosakkan pencetak (📖4).

## Memuatkan Kaset



### 1 Buka penutup.

- Buka penutup petak dakwat dan kertas masing-masing.

### 2 Muatkan kaset dakwat.

- Masukkan kaset dakwat ke dalam pencetak mengikut arah anak panah pada kaset sehingga kaset dakwat klik masuk ke tempatnya.
- Tutup penutup petak kaset dakwat.

### 3 Muatkan kaset kertas.

- Dengan memastikan penutup luar terbuka (📖9), masukkan kaset kertas ke dalam petak.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi


Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Memasang SELPHY



### 1 Memilih tempat yang sesuai untuk meletakkan SELPHY.

- Letakkan pencetak di atas meja atau permukaan lain yang rata dan stabil. Jangan letakkan pencetak pada permukaan setegak atau tidak stabil.
- Pastikan pencetak terletak jauh daripada sumber elektromagnetisme atau daya magnetik yang kuat.
- Biarkan sekurang-kurangnya 10 cm (4 inci) ruangan terbuka di sekeliling pencetak.
- Biarkan ruang terbuka di belakang pencetak yang lebih daripada panjang kertas yang digunakan, supaya kertas boleh masuk dan keluar dari pencetak dengan mudah apabila mencetak.

### 2 Masukkan kord penyesuai ke dalam SELPHY.



- Masukkan palam penyesuai sepenuhnya ke dalam saluran masuk kuasa pada SELPHY.

### 3 Sambungkan kord kuasa.

- Sambungkan kord kuasa ke penyesuai kuasa padat dan kemudian masukkan hujung lain ke dalam saluran keluar kuasa.



- Jangan gunakan pencetak berdekatan motor atau peranti lain yang menjana medan magnet yang kuat, atau dalam persekitaran berdebu. Ini mungkin merosakkan pencetak atau menyebabkan kepincangan.
- Jangan letakkan pencetak berdekatan televisyen atau radio. Ini mungkin menyebabkan kepincangan pencetak.



Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB


Penyelesaian Masalah

Lampiran




## Bahasa Paparan

Tukar bahasa menu dan mesej.



### 1 Hidupkan SELPHY.

- Tahan butang <⏻> sehingga skrin di bahagian kiri dipaparkan.
- Untuk mematikan SELPHY, tahan butang <⏻> semula sehingga skrin bertukar.






Kira-kira 45°

### 2 Naikkan skrin (monitor LCD).

- Skrin boleh dinaikkan sehingga kira-kira 45°. Jangan cuba menolak skrin ke atas dengan kuat melebihi sudut ini, kerana berbuat demikian mungkin merosakkan pencetak atau menyebabkan kepincangan.

### 3 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <☰>.
- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Tukar Setting] dan kemudian tekan butang <OK>.



### 4 Akses skrin tetapan bahasa.

- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Bahasa] dan kemudian tekan butang <OK>.

### 5 Pilih bahasa.

- Tekan butang <▲><▼><◀><▶> untuk memilih bahasa dan kemudian tekan butang <OK>.
- Untuk kembali ke skrin dalam langkah 2, tekan butang <↶> dua kali.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah


Lampiran



## Kad/Imej yang Disokong

### Kad Memori yang Disokong

#### Penyesuai Tidak Diperlukan

- Kad Memori SD
- Kad Memori SDHC
- Kad Memori SDXC 

#### Penyesuai Diperlukan (Dijual Berasingan)

- Kad Memori miniSD
- Kad Memori miniSDHC 
- Kad Memori mikroSD
- Kad Memori mikroSDHC
- Kad Memori mikroSDXC



- Untuk kad memori yang memerlukan penyesuai, sentiasa masukkan kad ke dalam penyesuai sebelum memasukkan penyesuai ke dalam slot kad.

Jika anda memasukkan kad memori ke dalam slot kad tanpa penyesuai secara tidak sengaja, anda mungkin tidak dapat mengeluarkan kad daripada pencetak.

- Gunakan kad memori yang diformat dengan peranti yang anda gunakan untuk menangkap foto. Imej pada kad yang diformat dengan komputer mungkin tidak dapat dikenali.



- Untuk arahan, rujuk kepada manual pengguna penyesuai atau memori kad.

### Pemacu Kilat USB

Anda boleh mencetak imej pada pemacu kilat USB (dijual berasingan) dengan memasukkan pemacu ke dalam port USB pada SELPHY ([16](#)).

## Imej yang Disokong

Imej JPEG yang mematuhi standard Exif boleh dicetak dengan SELPHY.



- Imej mungkin tidak dipaparkan atau dicetak dengan betul bergantung pada saiz imej atau sama ada imej telah diedit pada komputer.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui  
Wi-Fi

Mencetak melalui  
Kabel USB


Penyelesaian  
Masalah

Lampiran



## Mencetak Imej (Pilih & Cetak)

Pilih imej dan tentukan bilangan salinan seperti berikut. Di sini, pencetakan dari kad memori SD diterangkan sebagai contoh, tetapi anda boleh mencetak dari kad memori lain dengan langkah yang sama.




### 1 Hidupkan SELPHY.

- Tahan butang <⏻> sehingga skrin di bahagian kiri dipaparkan.
- Untuk mematikan SELPHY, tahan butang <⏻> semula sehingga skrin bertukar.

### 2 Naikkan skrin (monitor LCD).


- Skrin boleh dinaikkan sehingga kira-kira 45°. Jangan cuba menolak skrin ke atas dengan kuat melebihi sudut ini, kerana berbuat demikian mungkin merosakkan pencetak atau menyebabkan kepincangan.



Kira-kira 45°

### 3 Masukkan kad memori ke dalam slot.


- Masukkan kad memori menghadap ke arah seperti yang ditunjukkan sehingga ia klik masuk ke tempatnya.
- Untuk mengeluarkan kad, tolak kad ke dalam sehingga ia klik dan kemudian lepaskan kad dengan perlahan.
- Skrin paparan imej yang digunakan dalam langkah seterusnya dipaparkan (6).



Sisi label



Salinan imej semasa



### 4 Memilih imej.

- Tekan butang <◀><▶> untuk memilih imej untuk dicetak.
- Untuk melangkau ke depan atau kembali ke belakang sebanyak lima imej, tahan butang <◀><▶>.

### 5 Pilih bilangan salinan.

- Tekan butang <▲><▼> untuk menentukan bilangan cetakan.
- Untuk menambah atau mengurangkan kuantiti sebanyak lima salinan, tahan butang <▲><▼>.
- Untuk mencetak imej lain pada masa yang sama, ulangi langkah 4 – 5.

### 6 Cetak.

- Tekan butang <🖨️> untuk mula mencetak.
- Semasa mencetak, kertas akan masuk dan keluar dari bahagian belakang SELPHY beberapa kali. Jangan sentuh kertas sehingga pencetakan selesai dan cetakan dikeluarkan pada kaset kertas.
- Jangan biarkan 19 atau lebih cetakan berkumpul di kawasan pengeluaran pada kaset kertas.
- Untuk membatalkan pencetakan yang sedang berjalan, sentiasa tekan butang <↺>.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak


Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah


Lampiran





## 7 Tambah kertas apabila diperlukan.

- Jika mesej menunjukkan kertas telah habis, keluarkan kaset kertas tanpa mematikan kuasa.
- Tambah lebih banyak kertas kepada kaset (📖9) dan masukkan semula kaset ke dalam SELPHY (📖10).



## 8 Tukar kaset dakwat apabila diperlukan.

- Jika mesej menunjukkan dakwat telah habis, buka penutup petak kaset dakwat tanpa mematikan kuasa.
- Untuk mengeluarkan kaset dakwat, gerakan kunci mengikut arah yang ditunjukkan. Masukkan kaset dakwat yang baharu (📖8, 10).



- Jangan tarik keluar kaset kertas, buka penutup petak kaset dakwat, atau keluarkan kad memori semasa mencetak atau apabila anda mendengar bunyi operasi pencetak sejeurus selepas pencetak dihidupkan. Ini mungkin merosakkan pencetak.
- Untuk membatalkan pencetakan yang sedang berjalan, sentiasa tekan butang <⏪>. Pencetakan tidak boleh dibatalkan dengan menekan butang <⏻> dan mencabut palam pencetak mungkin merosakkannya.



- Paparan imej dalam langkah 4 mungkin mengambil sedikit masa apabila kad memori mengandungi banyak imej.
- Jika mesej menunjukkan imej DPOF kekal, lihat "Mencetak Menggunakan Tetapan Kamera (Cetak DPOF)" (📖54).
- Anda boleh menentukan sehingga 99 imej dalam langkah 4 dan sehingga 99 salinan untuk setiap imej dalam langkah 5. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan cetakan tidak boleh melebihi 999.
- Walaupun anda menekan butang <⏪> untuk membatalkan pencetakan, pencetak akan terus mencetak sehingga helaian semasa habis.

## Mengelakkan Kertas Lebihan

Sila ambil perhatian yang berikut untuk mengelakkan pembaziran kertas yang berlaku jika dakwat digunakan lebih cepat daripada kertas.

- Jangan putarkan gegancu terlalu banyak apabila menegangkan helaian dakwat (📖8).
- Untuk membatalkan pencetakan yang sedang berlaku, sentiasa tekan butang <⏪>; selepas menekan butang <⏪>, jangan matikan kuasa sebelum SELPHY menyelesaikan pencetakan (langkah 6).
- Jika mesej menunjukkan kertas telah habis, tambah kertas tanpa mematikan kuasa pencetak atau mengeluarkan kaset dakwat (langkah 7). Jika tidak, tekan butang <⏪> untuk membatalkan pencetakan (langkah 6).

Sila ambil perhatian bahawa dalam keadaan tertentu, walaupun anda mengikuti langkah ini, dakwat mungkin digunakan lebih cepat daripada kertas, meninggalkan anda dengan kertas lebihan.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB


Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Mencetak dari Pemacu Kilat USB

Imej pada pemacu kilat USB (dijual berasingan) boleh dicetak dengan cara yang sama seperti imej pada kad memori.



- Keluarkan sebarang kad memori yang dimasukkan.
- Masukkan pemacu kilat USB seperti yang ditunjukkan.
- Selepas ini, semua langkah adalah sama seperti mencetak imej daripada kad memori (📖 14 – 15).



- Sesetengah pemacu kilat USB mungkin lebih sukar daripada yang lain untuk dimasukkan dan dikeluarkan, dan sesetengah mungkin tidak berfungsi seperti yang diingini.
- Untuk arahan, rujuk kepada manual pengguna pemacu kilat.

## Menghasilkan Satu Cetakan daripada Imej yang Dipilih

Untuk cara yang mudah untuk menghasilkan cetakan tunggal imej yang dipilih, ikuti langkah-langkah berikut.



- Pilih imej seperti yang diterangkan dalam langkah 1 – 4 “Mencetak Imej (Pilih & Cetak)” (📖 14).
- Tekan butang <🖨️> untuk cetakan tunggal imej yang dipilih.



- Cetakan tunggal tidak dihasilkan dengan cara ini jika anda ikuti langkah 4 – 5 dalam “Mencetak Imej (Pilih & Cetak)” (📖 14) untuk memilih imej dan bilangan salinan. Untuk menggunakan kaedah ini untuk cetakan individu, pastikan bilangan salinan adalah [0] dalam langkah 4 di 📖 14 terlebih dahulu.

## Menyimpan Cetakan

- Untuk membuang sebarang kertas lebihan daripada hujung cetakan, lipat kertas di sepanjang tebukan dan koyak hujungnya.
- Apabila menulis pada cetakan, gunakan pen berasaskan minyak.
- Untuk mengelakkan perubahan warna, jangan simpan cetakan di tempat dengan suhu melebihi 40 °C (104 °F), di tempat yang lembap atau berdebu, atau di bawah cahaya matahari yang langsung.
- Juga elakkan perbuatan berikut, yang mungkin menyebabkan perubahan warna, keputaran atau kelunturan: melekatkan pita pada permukaan bercetak, membiarkan permukaan bercetak bersentuhan dengan vinil atau plastik, mengenakan alkohol atau pelarut mudah meruap ke atas permukaan yang dicetak, atau membiarkan permukaan pencetakan tertekan dengan kuat pada permukaan atau objek lain dalam tempoh masa yang lama.
- Apabila menyimpan cetakan dalam album, pilih album dengan penutup foto yang diperbuat daripada nilon, polipropilena atau selofan.



- Warna mungkin bertukar dari masa ke masa atau bergantung pada keadaan penyimpanan. Canon tidak bertanggungjawab terhadap perubahan warna.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Selepas Mencetak

- ① Padamkan SELPHY (📖 12) dan keluarkan sebarang kad memori atau pemacu kilat USB.
  - ② Turunkan skrin untuk penyimpanan.
  - ③ Cabut kord kuasa dari sumber kuasa dan putuskan sambungan dalam penyesuai dari SELPHY.
    - Jika penyesuai kuasa padat masih panas, tunggu sehingga ia sejuk sebelum menyimpannya.
  - ④ Keluarkan kaset kertas dan tutup penutup petak kaset kertas. Tinggalkan kertas tersisa dalam kaset dan simpan kaset dalam tempat yang gelap, sejuk dan kering yang bebas daripada debu.
    - Tinggalkan kaset dakwat dalam SELPHY.
    - Simpan SELPHY pada permukaan yang rata, jauh dari cahaya matahari dan debu. Sebarang debu yang termasuk ke dalam SELPHY mungkin menyebabkan jaluran putih pada foto atau merosakkan pencetak.
- 
- ⓘ • Simpan kaset dakwat lebih dalam bungkusan asal atau beg, jauh dari cahaya matahari dan debu.
- Simpan sebarang kaset kertas atau kaset dakwat yang tidak digunakan di dalam bungkusannya yang tidak dibuka, jauh dari cahaya matahari.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui  
Wi-Fi

Mencetak melalui  
Kabel USB

Penyelesaian  
Masalah

Lampiran



# Tetapan Cetak

Terokai pelbagai ciri pencetakan dalam bab ini, seperti memotong imej, menyediakan gambar ID dan mempertingkatkan imej.

<b>Mencetak Semua Imej</b> .....	<b>19</b>
<b>Memotong Imej</b> .....	<b>20</b>
<b>Mencetak Gambar ID</b> .....	<b>21</b>
Memotong Imej.....	23
<b>Memilih dan Mencetak Imej daripada Sejarah (Cetak semula)</b> .....	<b>23</b>
<b>Melaraskan Tetapan</b> .....	<b>24</b>
Mengkonfigurasi Tetapan.....	25
Memilih Kemasan (Cetak Kemasan).....	25
Mencetak dengan Bingkai di sekeliling Imej (Bingkai).....	26
Memilih Aturan (Aturan Halaman) .....	26
Cetakan Optimum dengan Pembetulan Auto (Optimisasi Imej) .....	28

Melaraskan Kecerahan .....	28
Melaraskan Ton Warna (Pelarasan Warna).....	28
Melaraskan Ton Warna (My Color).....	29
Membuatkan Kulit Kelihatan Licin (Kulit Licin) .....	29
Mengurangkan Kemunculan Mata Merah (Koreksi Red-Eye) .....	29
Mencetak dengan Tarikh (Tarikh).....	30
Menukar Cara Tarikh Dipaparkan (Format Tarikh) .....	30
Menambahkan Nombor Fail apabila Pencetakan (Nombor Fail).....	31
Menggunakan Pencetakan Gambar ID dengan Keutamaan (Keutamaan Gambar ID).....	31
Menggunakan Tetapan Bingkai dan Aturan Halaman yang Sama selepas	
Mematikan Kuasa (Simpan Tetapan Cetak) .....	32
Menjimat Tenaga (Matikan dengan Auto) .....	32

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui  
Wi-Fi

Mencetak melalui  
Kabel USB


Penyelesaian  
Masalah

Lampiran



# Mencetak Semua Imej

Cetak semua imej pada kad memori sekaligus seperti yang berikut.





## 1 Akses menu.

- Tekan butang <MENU>.



## 2 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Cetak Semua Imej] dan kemudian tekan butang <OK>.



Bilangan imej pada kad



## 3 Pilih bilangan salinan.

- Tekan butang <▲><▼> untuk menentukan bilangan salinan.
- Untuk menambah atau mengurangkan kuantiti sebanyak lima salinan, tahan butang <▲><▼>.

## 4 Cetak.

- Tekan butang <PRINT> untuk mula mencetak.
- Untuk membatalkan pencetakan, tekan butang <↶>.



- Jika kad memori mengandungi lebih daripada 999 imej, 999 imej yang paling baharu dicetak, seperti yang ditentukan oleh tarikh imej diambil.
- Anda boleh tentukan sehingga 99 cetakan dalam langkah 3. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan salinan tidak boleh melebihi 999. (Contohnya, anda boleh tentukan sehingga sembilan cetakan untuk setiap imej jika kad itu mengandungi 100 imej.)

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



# Memotong Imej

Cetak kawasan imej yang dipilih sahaja seperti berikut.




## 1 Akses skrin pemotongan.

- Pilih imej seperti yang diterangkan dalam langkah 4 "Mencetak Imej (Pilih & Cetak)" (📖 14), tekan butang EDIT dan kemudian tekan butang <OK>.
- Bingkai potong dipaparkan, menunjukkan kawasan imej yang akan dipotong.



## 2 Laraskan kawasan imej untuk dipotong.

- Untuk menukar bingkai potong antara orientasi potret dengan landskap, tekan butang EDIT.
- Untuk menggerakkan bingkai potong, tekan butang <▲><▼><◀><▶>.
- Untuk membesarkan bingkai potong, tekan butang <🔍>, dan untuk mengecilkannya, tekan butang <🔍>.



## 3 Pastikan tetapan.

- Untuk memastikan kawasan potong dan kembali ke skrin paparan imej, tekan butang <OK>.
- Untuk memotong imej lain dan mencetak dengan imej pertama, ulangi langkah 1 – 3.

## 4 Cetak.

- Cetak seperti yang diterangkan dalam langkah 6 "Mencetak Imej (Pilih & Cetak)" (📖 14).
- Selepas mencetak, tetapan potong akan dipadamkan.



- Untuk melaraskan kawasan pemotongan selepas anda menetakannya, tekan butang EDIT pada skrin paparan imej, tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Pelarasan Krop] dan kemudian tekan butang <OK>. Ulangi langkah 2 – 3.
- Untuk membatalkan pemotongan selepas anda menetapkan kawasan pemotongan, tekan butang EDIT pada skrin paparan imej, tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Reset Krop], tekan butang <OK> untuk mengakses skrin tetap semula pemotongan dan kemudian tekan butang <OK> sekali lagi.
- Kawasan pemotongan yang anda tetapkan akan terpadam jika anda mematikan SELPHY atau mengeluarkan kad memori sebelum mencetak.
- Anda boleh menentukan pemotongan sehingga 99 imej sekaligus.
- Pemotongan tidak tersedia apabila mencetak dengan [Cetak semua imej], [Cetak semula] atau [Cetak DPOF] atau apabila [Aturan Halaman] (📖 26) ditetapkan kepada [📄 Indeks] atau [📄 Shuffle].
- Nisbah bidang pemotongan yang ditunjukkan oleh bingkai yang dipaparkan pada imej tidak boleh dilaraskan.
- Untuk mengubah bilangan salinan, tekan butang <▲><▼> pada skrin paparan imej dalam langkah 3. Sila ambil perhatian bahawa menentukan salinan sifar tidak akan menghapuskan tetapan pemotongan.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Mencetak Gambar ID



Imej boleh dicetak untuk penggunaan dalam pengenalan foto. Memilih daripada tiga saiz berikut.


[Suai]	Tentukan kepanjangan sisi panjang dan pendek dan kemudian cetak.
[Standard]	Cetak foto yang mematuhi standard ICAO antarabangsa.
[Dwi]	Cetak dua saiz: 50x50 mm (kira-kira 2.0x2.0 inci) dan 45x35 mm (kira-kira 1.8x1.4 inci).

- Dengan [Suai] dan [Standard], dua imej berbeza boleh dicetak pada setiap helaian.
- Foto mungkin tidak diterima sebagai gambar ID rasmi, bergantung pada tujuan yang dikehendaki. Untuk maklumat lanjut, hubungi institusi yang memerlukan foto itu.



### 1 Tentukan pencetakan gambar ID.

- Tekan butang <≡>.
- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Gambar ID], kemudian tekan butang <OK>.



### 2 Tentukan saiz akhir gambar.

- Tekan butang <◀><▶> untuk menentukan cara saiz ditentukan.
- [Suai]: Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Sisi Pjg] dan kemudian tekan butang <◀><▶> untuk menentukan kepanjangan. Tentukan panjang [Sisi Pendek] dan kemudian tekan butang <OK> sekali lagi. Sila ambil perhatian bahawa pilihan yang tersedia untuk [Sisi Pendek] dikemas kini secara automatik berdasarkan panjang [Sisi Pjg].
- [Standard] atau [Dwi]: Periksa saiz imej yang ditunjukkan dan tekan butang <OK>.

### 3 Pilih imej untuk dicetak.

- Tekan butang <◀><▶> untuk memilih imej, kemudian tekan butang <▲>. ✓ dipaparkan di sebelah kanan bahagian bawah (sehingga dua imej dengan [Suai] dan [Standard], hanya satu imej dengan [Dwi]).
- Untuk menentukan kawasan pemotongan (📖20), tekan butang EDIT.
- Cetak seperti yang diterangkan dalam langkah 6 "Mencetak Imej (Pilih & Cetak)" (📖14).
- Tetapan dihapuskan selepas pencetakan.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran





- Kertas saiz kad tidak boleh digunakan.
- Tetapan [Bingkai] tidak digunakan dan tarikh serta nombor fail tidak dicetak.
- Memilih dua imej dalam langkah 3 akan menghasilkan bilangan cetakan yang sama bagi setiap imej untuk setiap helaian, dalam aturan ditentukan. Sila ambil perhatian bahawa untuk aturan dengan bilangan cetakan yang ganjil untuk setiap helaian, bingkai tengah pada helaian akan menjadi kosong.
- Tetapan dalam skrin Setting Gambar ID (📖21) dikekalkan walaupun apabila SELPHY dimatikan.
- Anda boleh menetapkan skrin tetapan gambar ID (📖21) dipaparkan apabila SELPHY dihidupkan atau kad memori dimasukkan (📖31).
- Tanda dicetak pada empat sudut setiap imej yang dicetak sebagai panduan untuk memotong foto.

## ■ Menuras Saiz Imej Calon

Banyak pilihan saiz imej disenaraikan apabila anda memilih [Gambar ID] ► [Pilihan Saiz] ► [Suai]. Untuk memudahkan pilihan saiz, anda boleh mengedit senarai untuk hanya memaparkan saiz yang kerap digunakan.

### 1 Akses skrin tetapan.

- Pada skrin tetapan foto ID, pilih [Pilihan Saiz] ► [Suai] (📖21) dan kemudian tekan butang EDIT.



### 2 Pilih saiz untuk paparan.

- Untuk mengeluarkan saiz daripada senarai, tekan butang <▲><▼><◀><▶> untuk memilih saiz dan kemudian tekan butang <OK>.
- Tanda semak (✓) dihapuskan dan saiz tidak akan disenaraikan lagi pada skrin [Setting Gambar ID] (📖21). Untuk menyertakan saiz dalam senarai, tekan butang <OK> sekali lagi untuk memilih saiz, memaparkan ✓.
- Menekan butang EDIT akan menghapuskan semua ✓. Apabila tiada saiz yang dipilih, menekan butang EDIT akan memilih semua saiz, memaparkan ✓.
- Apabila anda telah memilih saiz disertakan dalam senarai, tekan butang <↶>.



- Mesej amaran dipaparkan jika anda menekan butang <↶> apabila tiada saiz yang dipilih. Tekan butang <OK> untuk kembali ke skrin [Saiz]. Pilih sekurang-kurangnya satu saiz untuk disenaraikan dan kemudian tekan butang <↶>.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi


Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Memotong Imej



- Dua garisan panduan pemotongan dipaparkan apabila anda mengakses bingkai potong (📖20) apabila saiz [Standard] atau [Dwi] dipilih dalam [Gambar ID].
- Apabila [Standard] dipilih, untuk mencetak foto yang mematuhi standard pasport untuk saiz wajah dan kedudukan, laraskan bingkai potong supaya satu garisan terletak di atas kepala dan garisan yang lain terletak di bawah dagu.
- Apabila [Dwi] dipilih, dua bingkai dengan saiz berbeza dipaparkan secara serentak.



- Untuk keperluan tertentu selain kedudukan dan saiz wajah, hubungi institusi yang memerlukan foto itu.

## Memilih dan Mencetak Imej daripada Sejarah (Cetak semula)

Imej yang dicetak daripada Pilih & Cetak (📖14) kekal berada dalam sejarah. Imej boleh dipilih daripada sejarah cetak dan dicetak.



### 1 Akses sejarah cetak.

- Tekan butang <≡>.
- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Cetak semula] dan kemudian tekan butang <OK>.

### 2 Pilih satu imej.

- Imej yang dicetak, Aturan Halaman dan kaset kertas dahulu dipaparkan sebagai maklumat sejarah.
- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih imej yang anda ingin cetak dan kemudian tekan butang <OK>.

### 3 Pilih bilangan salinan untuk dicetak.

- Pilih bilangan salinan dan cetak seperti yang diterangkan dalam langkah 3 dan 4 "Mencetak Semua Imej" (📖19).

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran





- SELPHY boleh menyimpan sehingga 10 item dalam sejarah cetak.
- Tetapan maklumat sejarah tidak boleh ditukar untuk pencetakan.
- Ikuti langkah di bawah untuk memadamkan sejarah.
  - Keluarkan kad memori
  - Matikan SELPHY
- Sejarah cetak tidak disimpan apabila [Shuffle] atau [Indeks] dipilih dalam Aturan Halaman (26).
- Sejarah cetak tidak disimpan apabila pencetakan yang sedang berjalan dibatalkan.
- Pencetakan tidak tersedia apabila kaset kertas atau kaset dakwat yang berbeza dengan maklumat sejarah dimasukkan.

## Melaraskan Tetapan

Anda boleh mempertingkatkan imej melalui beberapa cara sebelum mencetak. Tambah tarikh penangkapan, laraskan warna dan banyak lagi. Tetapan digunakan untuk semua imej, maka tiada keperluan untuk melaraskan setiap imej secara individu.

Item yang Boleh Dikonfigurasi	Penerangan
Cetak kemas (25)	Pilih permukaan akhir cetakan.
Bingkai (26)	Cetak imej dengan atau tanpa bingkai.
Aturan Halaman (26)	Pilih bilangan imej untuk setiap helaian.
Optimisasi Imej (28)	Membetulkan kecerahan dan kontras secara automatik mengikut imej.
Kecerahan (28)	Laraskan kecerahan imej dalam julat -3 hingga +3.
Pelarasan Warna (28)	Laraskan ton warna dengan melaraskan warna RBCY dalam julat 0 hingga 3.
My Color (29)	Pilih ton warna khas untuk membuatkan cetakan kelihatan tersendiri, atau pilih cetakan sepia atau hitam dan putih.
Kulit Licin (29)	Membuatkan kulit kelihatan licin dan cantik.
Koreksi Red-Eye (29)	Betulkan imej yang terkena mata merah.
Hb (30)	Tambah tarikh penangkapan kamera apabila anda mencetak.
Format Tarikh (30)	Laraskan format tarikh.
Nombor Fail (31)	Tambah nombor fail apabila anda mencetak.
Keutamaan Gambar ID (31)	Tetapkan skrin tetapan gambar ID sebagai paparan lalai.
Smpn Setting Cetak (32)	Kekalkan tetapan [Bingkai] dan [Aturan Halaman] walaupun selepas SELPHY dimatikan.
Matikan dgn Auto (32)	Tentukan kuasa terpadam secara auto apabila pencetak dalam keadaan melahu.
Bahasa (12)	Tukar bahasa menu dan mesej.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi




Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Mengkonfigurasi Tetapan



### 1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <≡>.
- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Tukar Setting] dan kemudian tekan butang <OK>.

### 2 Pilih item dan laraskan tetapan.

- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih item.
- Tekan butang <◀><▶> untuk melaraskan tetapan dan kemudian tekan butang <↔> untuk mengesahkan pilihan anda.

### 3 Akses skrin paparan imej.

- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Pilih & Cetak] dan kemudian tekan butang <OK>.
- Lihat [Buku 25 – 32](#) untuk maklumat tentang setiap ciri.


### 4 Cetak.

- Pilih imej dan bilangan salinan ([Buku 14](#)) dan kemudian tekan butang <🖨> untuk mencetak.

## Memilih Kemasan (Cetak Kemasan)



Contoh kemasan



- Dengan menambah tekstur lembut kepada permukaan cetakan, anda boleh mencipta kemasan yang kurang berkilat.

<b>Glos (lalai)</b>	Mencetak dengan kemasan permukaan berkilat.
<b>Corak 1</b>	Menggunakan corak permukaan yang sedikit kasar, untuk kemasan yang kurang berkilat.
<b>Corak 2</b>	Menggunakan corak permukaan yang halus, untuk kemasan yang kurang berkilat.
### Apa Yang Anda Perlukan

- Komputer
- Kabel USB, 2.5 m (8.2 kaki) atau lebih pendek, dijual berasingan (Port SELPHY: Mini-B)

### 1 Pasangkan pemacu pencetak.

- Sambung ke Internet dari komputer dan akses "<http://www.canon.com/icpd/>".
- Pilih negara/kawasan anda dan ikuti arahan yang dipaparkan untuk menyelesaikan muat turun.
- Dwiklik folder [Driver] dan kemudian dwiklik [cp1200-100-9l.exe].
- Ikuti arahan yang dipaparkan untuk melengkapkan pemasangan.
- Jika tettingkap User Account Control dipaparkan, ikuti arahan pada skrin.



Kabel USB, dijual berasingan



### 2 Pilih kaedah sambungan.

- Apabila skrin di sebelah kiri dipaparkan, pilih [Use via USB Connection] dan klik [Next].

### 3 Apabila skrin di sebelah kiri dipaparkan, sediakan pencetak dan sambungkannya ke komputer.

- Matikan SELPHY dan keluarkan apa-apa kad memori atau pemacu kilat USB yang telah dimasukkan.
- Masukkan kaset kertas dan kaset dakwat yang telah dimuatkan ke dalam SELPHY (8 – 10).
- Gunakan kabel USB untuk sambungkan SELPHY ke komputer. Untuk arahan, rujuk kepada manual pengguna kabel atau komputer.

### 4 Hidupkan pencetak untuk melengkapkan proses pemasangan.

- Tekan butang <ON> untuk menghidupkan SELPHY.
- Pemacu pencetak telah dipasang.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## 5 Sediakan SELPHY.

- Keluarkan apa-apa kad memori atau pemacu kilat USB yang telah dimasukkan.
- Masukkan kaset kertas dan kaset dakwat yang telah dimuatkan ke dalam SELPHY (📖8 – 10).
- Jika pencetak dan komputer masih belum disambungkan, matikan pencetak buat sementara, sambungkannya ke komputer melalui USB (📖51) dan kemudian hidupkan pencetak semula.

## 6 Akses kotak dialog pencetakan.

- Mulakan perisian foto, pilih imej untuk dicetak, dan akses kotak dialog pencetakan.
- Sebagai pencetak destinasi, pilih “Canon SELPHY CP1200”.

## 7 Pilih pilihan pencetakan.

- Pilih saiz kertas yang sepadan dengan saiz kaset kertas dan dakwat dalam SELPHY. Juga pilih pencetakan berbingkai atau tidak berbingkai sebagai pilihan dengan saiz kertas yang disenaraikan.
- Pilih orientasi pencetakan dan bilangan salinan seperti yang diinginkan.

## 8 Cetak.



- Pencetakan yang sedang berjalan tidak boleh dibatalkan dari SELPHY dengan menggunakan butang <↶>. Untuk membatalkan pencetakan, gunakan komputer untuk menghapuskan kerja cetak.
- Pencetak mungkin tidak berfungsi dengan betul jika ia disambungkan ke komputer melalui hab USB.
- Elakkan membiarkan komputer anda memasuki mod tidur atau tunggu sedia sementara SELPHY disambungkan melalui USB. Jika komputer memasuki mod tidur dengan SELPHY disambungkan melalui USB, kejutkan komputer tanpa memutuskan sambungan kabel USB. Jika pemulihan gagal, mulakan semula komputer.
- Untuk arahan komputer atau perisian foto, rujuk kepada manual pengguna yang berkaitan.



- Jika mesej ralat dipaparkan pada SELPHY, periksa juga untuk sebarang mesej ralat yang dipaparkan pada komputer (dalam mod desktop). Mesej akan dihilangkan secara automatik apabila anda menyelesaikan isu yang ditunjukkan.
- Jika mesej dipaparkan pada komputer, anda juga boleh klik [Cancel] untuk membatalkan pencetakan.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah


Lampiran



## Mencetak dari Komputer (Mac OS)

Anda boleh mencetak dari komputer menggunakan AirPrint. SELPHY boleh bersambung ke komputer yang menjalankan sistem operasi berikut.

- Mac OS X 10.8 atau selepasnya



Kabel USB, dijual berasingan

### 1 Sediakan SELPHY dan sambungkan komputer.

- Keluarkan apa-apa kad memori atau pemacu kilat USB yang telah dimasukkan.
- Masukkan kaset kertas dan kaset dakwat yang telah dimuatkan ke dalam SELPHY (108 – 110).

### 2 Akses kotak dialog pencetakan.

- Mulakan perisian foto, pilih imej untuk dicetak, dan akses kotak dialog pencetakan.
- Sebagai pencetak destinasi, pilih "Canon SELPHY CP1200".

### 3 Pilih pilihan pencetakan.

- Tentukan saiz kertas, orientasi, dan bilangan salinan.
- Untuk mencetak pada saiz L, pilih [89 x 119 mm] sebagai saiz kertas.
- Untuk mencetak pada saiz P, pilih [Postcard].
- Untuk mencetak pada saiz C, pilih [54 x 86 mm] sebagai saiz kertas.

### 4 Cetak.

- Klik [Print] untuk mencetak.



- Pencetakan yang sedang berjalan tidak boleh dibatalkan dari SELPHY dengan menggunakan butang <↶>. Untuk membatalkan pencetakan, gunakan komputer untuk menghapuskan kerja cetak.
- SELPHY mungkin tidak berfungsi dengan betul jika ia disambungkan ke komputer melalui hab USB.
- Elakkan membiarkan komputer anda memasuki mod tidur atau tunggu sedia sementara SELPHY disambungkan melalui USB. Jika komputer memasuki mod tidur dengan SELPHY disambungkan melalui USB, kejutan komputer tanpa memutuskan sambungan kabel USB. Jika pemulihan gagal, mulakan semula komputer.
- Untuk arahan komputer atau perisian foto, rujuk kepada manual pengguna yang berkaitan.



- Jika 89 x 119 mm tidak boleh dipilih untuk saiz L dalam langkah 3, pilih [Custom] sebagai saiz kertas dan dalam tetapan saiz, masukkan 89 mm sebagai lebar dan 119 mm sebagai tinggi. Jika 54 x 86 mm tidak boleh dipilih untuk saiz C, 54 mm sebagai lebar dan 86 mm sebagai tinggi.
- Jika mesej ralat dipaparkan pada SELPHY, periksa juga untuk sebarang mesej ralat yang dipaparkan pada komputer (dalam mod desktop). Mesej akan dihilangkan secara automatik apabila anda menyelesaikan isu yang ditunjukkan.
- Jika mesej dipaparkan pada komputer, anda juga boleh klik [Cancel] untuk membatalkan pencetakan.
- Mac OS: Jika "Canon SELPHY CP1200" tidak tersedia sebagai pencetak destinasi, daftarkan SELPHY pada komputer seperti berikut.
  - ① Akses [System Preferences] > [Printers & Scanners] atau [Print & Scan].
  - ② Klik [+] di bawah senarai.
  - ③ Pilih "Canon SELPHY CP1200".
  - ④ Klik [Add].

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Mencetak dari Kamera


Dengan menyambungkan kamera yang serasi dengan PictBridge, anda boleh memilih imej dari kamera dan cetak.

Di sini, arahan pencetakan diberikan menggunakan kamera digital kompak Canon sebagai contoh. Jika kamera anda dikendalikan dengan cara yang berbeza, rujuk kepada manual pengguna kamera.

### 1 Sediakan SELPHY.

- Pastikan bahawa tiada kad memori dimasukkan ke dalam SELPHY.

### 2 Sambungkan SELPHY ke kamera menggunakan kabel USB (📖51).



### 3 Hidupkan SELPHY kemudian kamera dan masuk ke mod Main balik.

- Sesetengah kamera akan memaparkan ikon 📷.

### 4 Pada kamera, pilih imej dan bersedia untuk mencetak.

- Gunakan kamera untuk mula mencetak.
- Selepas mencetak, matikan SELPHY dan kamera dan putuskan sambungan kabel.



- Pencetakan yang sedang berjalan tidak boleh dibatalkan dari SELPHY dengan menggunakan butang <↩>. Gunakan kamera untuk menghentikan pencetakan.
- Produk ini menggunakan teknologi PictBridge untuk mencetak melalui USB. Standard teknikal PictBridge membantu sambungan langsung kamera, pencetak dan peranti lain untuk pencetakan yang mudah. Produk ini mematuhi standard DPS over IP yang membolehkan penggunaan PictBridge dalam persekitaran rangkaian.

## Mencetak Menggunakan Tetapan Kamera (Cetak DPOF)

Memasukkan kad memori dengan maklumat DPOF dikonfigurasi pada kamera akan memaparkan [Kekal imej DPOF / Cetak imej?]. Untuk menyemak maklumat pencetakan yang ditetapkan pada kamera, tekan butang <OK>, dan untuk mencetak semua imej yang dikhususkan serentak, tekan butang <🖨>.



- Untuk maklumat tentang mengkonfigurasi maklumat DPOF, rujuk kepada manual pengguna kamera.
- Nombor fail dan tarikh ialah maklumat DPOF yang ditetapkan pada kamera yang tidak boleh ditukar pada SELPHY.
- Imej yang disediakan dengan [Jenis Cetak] bagi [Standard] pada kamera Canon dicetak mengikut tetapan dalam "Melaraskan Tetapan" (📖24 – 32).
- Anda boleh juga menyemak maklumat pencetakan yang ditetapkan pada kamera dengan menekan butang <📷>, memilih [Cetak DPOF] dan menekan butang <OK>. Walau bagaimanapun, [Cetak DPOF] hanya dipaparkan apabila kad memori yang dikonfigurasi oleh kamera telah dimasukkan.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



# Penyelesaian Masalah

Rujuk kepada tip penyelesaian masalah ini untuk menyelesaikan masalah pada SELPHY. Jika masalah berterusan, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui  
Wi-Fi

Mencetak melalui  
Kabel USB

**Penyelesaian  
Masalah**

Lampiran

Kuasa .....	56
Skrin .....	56
Mencetak .....	56

Kertas .....	57
Wi-Fi .....	58
Mesej Ralat .....	59



## Kuasa

### Tidak dapat menghidupkan SELPHY

- Pastikan bahawa kord kuasa disambungkan dan dimasukkan dengan betul (📖 11).
- Tahan butang <⏻> sehingga skrin permulaan dipaparkan (📖 12).
- Apabila menggunakan pek bateri, pastikan bahawa pek bateri telah dicas dan dimasukkan dengan betul.

## Skrin

### Skrin paparan imej tidak dipaparkan (📖 31)

- Semasa skrin Tetapan Gambar ID dipaparkan, tekan <☰> untuk memaparkan menu, tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Pilih & Cetak] dan kemudian tekan butang <OK>.

## Mencetak

### Tidak dapat mencetak

- Pastikan bahawa SELPHY dihidupkan (📖 12).
- Pastikan bahawa kaset dakwat dan kertas dimuatkan dengan betul (📖 10).
- Pastikan bahawa helaian dakwat tidak longgar (📖 8).
- Pastikan bahawa anda menggunakan kertas yang dikhususkan untuk SELPHY (📖 10).
- Gantikan kaset dakwat dan isi kaset kertas semula seperti yang diperlukan (📖 15).
- Pastikan bahawa anda menggunakan gabungan kertas, kaset kertas dan kaset dakwat yang betul (📖 8).

### Tidak dapat memaparkan atau mencetak imej pada kad memori atau pemacu kilat USB

- Pastikan bahawa kad memori dimasukkan sepenuhnya ke dalam slot yang betul, dengan label menghadap ke atas (📖 13, 14).
- Pastikan bahawa pemacu kilat USB dimasukkan sepenuhnya, sebelah kanan menghadap atas (📖 16).
- Pastikan bahawa format imej disokong (📖 13).
- Pastikan bahawa kad memori yang memerlukan penggunaan penyesuai tidak dimasukkan tanpa penyesuainya (📖 13).

### Tidak boleh mencetak dari kamera

- Pastikan bahawa kamera anda menyokong PictBridge (📖 54).
- Apabila mencetak melalui Wi-Fi, pastikan bahawa kedua-dua SELPHY dan kamera disambungkan ke pusat akses dengan betul (📖 37).
- Apabila mencetak melalui USB, pastikan bahawa SELPHY disambungkan secara langsung ke kamera dengan kabel USB (📖 54).
- Pastikan bahawa bateri kamera anda mempunyai cas yang mencukupi. Jika bateri telah kehabisan kuasa, gantikannya dengan bateri yang telah dicas penuh atau yang baharu.
- Keluarkan apa-apa kad memori atau pemacu kilat USB yang telah dimasukkan dari SELPHY.

### Tidak boleh mencetak dari komputer

- Pastikan bahawa anda telah memasang pemacu pencetak dengan betul (📖 51).
- Keluarkan apa-apa kad memori atau pemacu kilat USB yang telah dimasukkan.
- Apabila mencetak melalui Wi-Fi, sahkan bahawa kedua-dua SELPHY dan komputer disambungkan ke pusat akses dengan betul (📖 40).
- Apabila mencetak melalui USB, pastikan bahawa SELPHY disambungkan secara langsung ke komputer dengan kabel USB (📖 51).
- Windows: Pastikan pencetak tidak di luar talian. Jika pencetak di luar talian, klik kanan ikon pencetak dan bawa pencetak ke dalam talian.
- Mac OS: Pastikan bahawa anda telah menambah SELPHY kepada Senarai Pencetak (📖 46, 53).

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Tiada tarikh atau nombor fail apabila mencetak dari kad memori atau pemacu kilat USB

- Pastikan bahawa SELPHY ditetapkan untuk mencetak tarikh atau nombor fail (📄30). Ambil perhatian bahawa untuk pencetakan DPOF, pencetakan tarikh atau nombor fail dikonfigurasi pada kamera.

## Tiada tarikh atau nombor fail apabila mencetak dari kamera

- Pastikan bahawa tetapan tarikh atau nombor fail diaktifkan pada kamera. Ambil perhatian bahawa di bawah tetapan kamera standard, tetapan tarikh atau nombor fail pada SELPHY akan digunakan.

## Kualiti cetakan adalah rendah

- Pastikan bahawa helaian dakwat dan kertas adalah bebas daripada kotoran atau debu.
- Pastikan bahawa dalaman SELPHY adalah bebas daripada debu (📄63).
- Pastikan bahawa tiada kondensasi telah terbentuk pada SELPHY (📄63).
- Pastikan bahawa SELPHY jauh dari sumber gelombang elektromagnet atau medan magnetik kuat (📄11).

## Warna dicetak tidak sepadan dengan warna pada skrin

- Skrin menggunakan kaedah berbeza untuk pembentukan warna berbanding dengan pencetak. Warna juga mungkin kelihatan berbeza bergantung pada keamatan dan suhu warna pencahayaan dalam persekitaran penglihatan monitor, serta penentuan warna monitor.

## Imej individu dicetak secara lebih kecil, dalam hanya satu kedudukan aturan

- Tukar tetapan [Aturan Halaman] (📄26). Apabila aturan dalam [Aturan Halaman] selain [1 imej] dipilih, imej individu dicetak dalam satu kedudukan aturan untuk setiap helaian jika anda mencetak dari kamera atau peranti lain yang hanya boleh menghantar satu imej pada satu masa.

## Pencetakan mengambil masa terlalu lama

- SELPHY akan berhenti mencetak buat sementara waktu jika ia melebihi suhu yang tertentu, ini tidak menunjukkan masalah. Tunggu sehingga pencetak sejuk. Semasa pencetakan berterusan, dalam persekitaran panas, atau jika dalaman pencetak menjadi panas kerana lubang udara sisi belakang (📄5) terhalang, SELPHY mungkin berhenti mencetak buat sementara waktu, menyebabkan pencetakan mengambil masa.
- Pencetakan mungkin mengambil sedikit masa bergantung pada persekitaran pencetakan. Dalam keadaan ini, cuba kaedah pencetakan lain (mencetak dari kad memori, mencetak melalui Wi-Fi, mencetak melalui kabel USB).

## Kertas

### Kertas tidak muat di dalam kaset

- Pastikan bahawa saiz kertas sama dengan kaset kertas (📄2).

### Masalah kemasukan kertas atau kertas kerap tersekat

- Pastikan bahawa kertas dan kaset telah dimasukkan dengan betul (📄9, 10).
- Pastikan bahawa terdapat kurang daripada 19 helaian di dalam kaset.
- Pastikan bahawa 19 atau lebih cetakan tidak terkumpul pada kaset kertas.
- Pastikan bahawa anda menggunakan kertas yang dikhususkan untuk SELPHY (📄10).

### Tidak dapat mencetak kuantiti yang betul (kertas yang tidak digunakan tertinggal selepas kehabisan dakwat)

- Beberapa kertas yang tidak digunakan mungkin tertinggal jika kehabisan dakwat dahulu (📄15).

### Kertas tersekat

- Jika kertas menjulur dari bahagian hadapan atau belakang slot pengeluaran kertas (📄5), tarikny keluar dengan cermat. Jika anda tidak dapat mengeluarkan kertas dengan menariknya dengan lembut, jangan memaksanya keluar. Matikan pencetak itu dan hidupkannya semula. Ulang sehingga kertas dikeluarkan. Jika anda mematikan kuasa pencetak secara tidak sengaja semasa mencetak, hidupkan semula pencetak dan tunggu sehingga kertas dikeluarkan. Jika kertas tersekat dan tidak boleh dikeluarkan, hubungi peruncit anda atau Canon Customer Support Help Desk. Jangan cuba mengeluarkan kertas yang tersekat dengan kuat, yang mungkin merosakkan pencetak.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Wi-Fi

Jangan menggunakan pencetak berdekatan dengan sumber gangguan isyarat Wi-Fi, seperti ketuhar gelombang mikro, peranti Bluetooth, atau peralatan lain yang beroperasi pada jalur 2.4 GHz.

### SSID (nama rangkaian) peranti tidak dipaparkan apabila menyambung ke kamera atau telefon pintar

- Sebagai kaedah sambungan, pilih [Sambungan Langsung] (📖35, 38).
- Kekalkan pencetak berdekatan dengan kamera atau telefon pintar, tanpa objek di antaranya.

### Pusat akses tidak dipaparkan pada pencetak Tidak boleh menyambungkan pencetak ke pusat akses

- Sebagai kaedah sambungan, pilih [Melalui Rangkaian Wi-Fi] (📖40).
- Sahkan bahawa pusat akses dihidupkan dan bersedia untuk komunikasi. Untuk arahan tentang cara memeriksa, rujuk kepada manual pengguna pusat akses.
- Jika terdapat banyak pusat akses tetapi pusat akses yang diperlukan tidak disenaraikan, sambung menggunakan WPS (📖40) atau secara manual (📖44).
- Kekalkan pencetak berdekatan dengan pusat akses, tanpa objek di antara keduanya.
- Sahkan bahawa kata laluan adalah betul, dan cuba sambungkan sekali lagi.
- Sahkan bahawa saluran pusat akses adalah antara 1 – 11. Anda disaran untuk menentukan saluran dalam julat ini secara manual, dan bukan peruntukan saluran auto. Untuk arahan tentang cara memeriksa atau melaraskan tetapan, rujuk kepada manual pengguna pusat akses.
- Jika pusat akses menuras komunikasi mengikut alamat MAC atau IP, pada pusat akses, daftarkan maklumat pencetak yang ditunjukkan apabila anda memeriksa tetapan (📖48). Cuba juga lumpuhkan sebarang fungsi pemencilan atau pengasingan privasi pusat akses. Untuk arahan tentang cara memeriksa atau melaraskan tetapan, rujuk kepada manual pengguna pusat akses.
- Dalam rangkaian WEP tanpa DHCP, tetapkan alamat IP secara manual (📖48).

### Tidak boleh disambungkan melalui Wi-Fi

- Cuba hidupkan semula SELPHY. Jika sambungan masih tidak boleh diwujudkan, periksa tetapan pusat akses atau peranti lain untuk sambungan Wi-Fi.
- Jika sambungan melalui [Sambungan WPS] tidak boleh dilakukan, cuba sambungkan dengan menggunakan [Cari pusat akses] (📖42) atau [Settin Manual] (📖44).

### Boleh bersambung kepada pusat akses, tetapi tidak boleh mencetak

- Keluarkan apa-apa kad memori atau pemacu kilat USB yang telah dimasukkan.
- Pencetakan tidak boleh dilakukan apabila pencetak sedang mencetak kerja daripada peranti lain, atau apabila pencetak bersambung kepada kamera.
- Apabila mencetak daripada telefon pintar, pasangkan Canon PRINT Inkjet/SELPHY (📖34).
- Sahkan bahawa kamera, telefon pintar, atau komputer yang anda gunakan untuk mencetak telah disambungkan kepada pusat akses yang sama seperti SELPHY.
- Periksa kata laluan pusat akses dan cuba sambungkan sekali lagi (📖45).
- Jika mesej dipaparkan selepas anda memasukkan kata laluan yang betul dan menekan butang <OK> (📖44), sahkan bahawa kefungsi pelayan DHCP diaktifkan pada pusat akses, dan pastikan tetapan sambungan pada SELPHY seperti alamat IP adalah betul (📖48).

### Pencetakan mengambil masa terlalu lama, atau sambungan Wi-Fi telah terputus

- Jangan menggunakan pencetak berdekatan dengan sumber gangguan isyarat Wi-Fi, seperti ketuhar gelombang mikro, peranti Bluetooth, atau peralatan lain yang beroperasi pada jalur 2.4 GHz. Sila ambil perhatian bahawa walaupun [Yi!] dipaparkan, penghantaran imej mungkin mengambil sedikit masa.
- Dalam sambungan langsung (📖34, 37), kekalkan pencetak berdekatan dengan kamera atau telefon pintar, tanpa objek di antaranya.
- Dalam sambungan melalui pusat akses (📖40), kekalkan pencetak berdekatan dengan pusat akses, tanpa objek di antara keduanya.

### Tidak boleh disambungkan melalui Wi-Fi daripada komputer

- Pastikan bahawa pemacu pencetak dipasang dengan betul dalam Windows.
- Dalam Windows, aktifkan [Network Discovery].
- Dalam Mac OS, daftarkan SELPHY pada komputer (📖46).

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Mesej dipaparkan apabila menyambungkan kamera atau telefon pintar

- Dengan menggunakan [Sambungan Langsung], anda boleh menyambung sehingga 8 peranti pada masa yang sama. Cubaan untuk menyambungkan lebih daripada 8 peranti akan memaparkan mesej. Dalam keadaan ini, gunakan salah satu peranti yang disambungkan untuk memutuskan sambungannya daripada pencetak, tekan butang <OK> pada pencetak untuk memadam mesej dan kemudian sambungkan peranti yang diingini kepada pencetak untuk mewujudkan sambungan yang baharu. Jika pemutusan sambungan tidak boleh dilakukan dengan menggunakan peranti yang disambungkan, matikan pencetak buat sementara untuk memutuskan sambungan semua peranti dan kemudian hidupkan semula pencetak.

## Mesej Ralat

Mesej ralat menandakan masalah dengan SELPHY. Apabila mesej ralat termasuk tip penyelesaian masalah, ikuti arahan. Jika hanya mesej ralat yang dipaparkan, ikuti cadangan dalam "Penyelesaian Masalah" (55). Jika masalah berterusan, hubungi Canon Customer Support Help Desk.



- Jika masalah berlaku semasa SELPHY bersambung ke peranti lain, mesej ralat mungkin juga dipaparkan pada peranti. Periksa kedua-dua SELPHY dan peranti.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui  
Wi-Fi

Mencetak melalui  
Kabel USB

Penyelesaian  
Masalah

Lampiran



# Lampiran

Arahan untuk pencetakan dikuasakan bateri dengan pek bateri pilihan diberikan di sini, berserta spesifikasi SELPHY dan tip penyelenggaraan dan pengendalian.

<b>Mencetak tanpa Sumber Kuasa</b> .....	<b>61</b>
Memasang Pek Bateri.....	61
Mengecas Bateri untuk Mengguna SELPHY.....	61
<b>Spesifikasi</b> .....	<b>62</b>
<b>Pengendalian dan Penyelenggaraan</b> .....	<b>63</b>

<b>Peringatan Wi-Fi (LAN Wayarles)</b> .....	<b>64</b>
Peringatan Gangguan Gelombang Radio.....	64
Peringatan Keselamatan.....	65
Ketika Mencetak .....	65

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui  
Wi-Fi

Mencetak melalui  
Kabel USB

Penyelesaian  
Masalah

Lampiran




## Mencetak tanpa Sumber Kuasa

Untuk mencetak apabila tiada sumber kuasa tersedia, gunakan Pek Bateri NB-CP2LH (dijual berasingan). Apabila dicas sepenuhnya, sehingga kira-kira 54 helaian\* kertas saiz poskad boleh dicetak.


\* Menurut ujian Canon. Mungkin berbeza bergantung pada keadaan pencetakan.

## Memasang Pek Bateri




### 1 Keluarkan penutup cagak pek bateri.

- Dengan suis ditahan dalam arah anak panah (1), gerakkan penutup dalam arah anak panah (2) untuk menanggalkannya.



### 2 Keluarkan penutup terminal bateri.



### 3 Memasang pek bateri.

- Luncurkan hujung terminal mengikut arah anak panah (1) dan masukkan hujung yang satu lagi (2) sehingga ia klik masuk ke tempatnya.



- Pek Bateri NB-CP2L (dijual berasingan) juga boleh digunakan. Apabila dicas sepenuhnya, sehingga kira-kira 36 helaian kertas saiz poskad boleh dicetak. Menurut ujian Canon. Mungkin berbeza bergantung pada keadaan pencetakan.

## Mengecas Bateri untuk Mengguna SELPHY

- Sebaik sahaja kuasa disambungkan (🔌), pengecasan bermula dan [🔌] berkelip pada skrin.
- Apabila pengecasan selesai dalam kira-kira empat jam (pada suhu bilik), [🔌] tidak lagi dipaparkan.
- SELPHY boleh digunakan walaupun [🔌] berkelip dengan menghidupkannya (🔌). Walau bagaimanapun, pengecasan berhenti. Apabila kuasa dimatikan, [🔌] berkelip dan pengecasan disambungkan.



- Untuk peringatan bateri, rujuk kepada manual pengguna bateri.
- Apabila [🔌] dipaparkan, menempatkan SELPHY dalam persekitaran pada suhu pengendalian (🔌) dan mengecas sebaik sahaja ia dilaraskan kepada suhu sekitar.
- Apabila [X] dipaparkan dalam merah, bateri telah sampai ke akhir tempohnya. Sila beli bateri baru.
- Apabila [🔌] dipaparkan, tekan dan tahan sebarang butang selain daripada <⏻> sepanjang 3 saat atau lebih lama untuk menghapuskan [🔌]. Juga, jika mengecas dan skrin dimatikan, tekan sebarang butang selain daripada <⏻> untuk memaparkan [🔌] untuk kira-kira 10 saat.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Spesifikasi

<b>Kaedah Pencetakan</b>	Dye Sublimasi transfer termal (dengan pelindung filem)	
<b>Resolusi</b>	300 x 300 dpi	
<b>Peringkatan</b>	256 tahap bagi setiap warna	
<b>Dakwat</b>	Dakwat warna khusus (Y/M/C/pelindung filem)	
<b>Kertas</b>	Saiz poskad (kertas foto), saiz L (kertas foto) dan saiz kad (kertas foto, label halaman penuh, konfigurasi 8 label setiap helaian, label segi empat sama)	
<b>Saiz Kertas</b>	<b>Sebelum koyak pada tempat tebukan</b>	<b>Selepas koyak pada tempat tebukan</b>
Poskad	100.0 x 177.0 mm (3.94 x 6.97 inci)	100.0 x 148.0 mm (3.94 x 5.83 inci)
Saiz L	89.0 x 148.0 mm (3.50 x 5.83 inci)	89.0 x 119.0 mm (3.50 x 4.69 inci)
Kad	83.0 x 86.0 mm (3.27 x 3.39 inci)	54.0 x 86.0 mm (2.13 x 3.39 inci)
Label halaman penuh	54.0 x 86.0 mm (2.13 x 3.39 inci)	–
Label pada helaian dengan 8 label	22.0 x 17.3 mm (0.87 x 0.68 inci)	–
Label Segi Empat Sama	50.0 x 50.0 mm (1.97 x 1.97 inci)	–
<b>Kelajuan Pencetakan*1</b>		
Poskad	Kira-kira 47 saat	(Kira-kira 58 saat)*2
Saiz L	Kira-kira 39 saat	(Kira-kira 49 saat)*2
Kad	Kira-kira 27 saat	(Kira-kira 32 saat)*2
<b>Sistem Pemasukan</b>	Pemasukan auto dari kaset kertas	
<b>Sistem Pengeluaran</b>	Pengeluaran auto ke kaset kertas	
<b>Skrin</b>	Monitor LCD TFT berwarna jenis 2.7 yang dapat dimiringkan	

### Antara muka

USB Kelajuan Tinggi	Port jenis A untuk peranti yang serasi dengan PictBridge Port mini B untuk komputer
Kad Memori	SD, SDHC, SDXC, miniSD*3, miniSDHC*3, mikroSD*3, mikroSDHC*3 dan mikroSDXC*3
LAN Wayarles	Standard: IEEE 802.11b/g Saluran: 1 – 11 Sambungan: Mod Infrastruktur*4 Penghantaran: DSSS (IEEE 802.11b) atau OFDM (IEEE 802.11g) Keselamatan: Tiada keselamatan, WEP, WPA-PSK (AES/TKIP), WPA2-PSK (AES/TKIP)

**Pemacu Kilat USB** Format FAT atau exFAT sahaja

**Suhu Pengendalian** 5 – 40 °C (41 – 104 °F)

**Kelembapan Pengendalian** 20 – 80%

**Kuasa** Penyesuai Kuasa Padat CA-CP200 B  
Pek Bateri NB-CP2LH (dijual berasingan)

**Penggunaan Kuasa** 60 W atau kurang (tunggu sedia: 4 W atau kurang)

**Dimensi** 180.6 x 63.3 x 135.9 mm (7.11 x 2.49 x 5.35 inci)

**Berat (badan pencetak sahaja)** Kira-kira 860 g (1.90 paun)

\*1 Dari awal pencetakan kuning hingga hasil dikeluarkan.

\*2 Nilai dalam kurungan menunjukkan kelajuan apabila [Corak 1], [Corak 2] atau [Corak 3] dipilih dalam [Cetak kemasan].

\*3 Memerlukan penyesuaian pilihan yang khusus.

\*4 Menyokong Wi-Fi Protected Setup.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## ■ Penyesuai Kuasa Padat CA-CP200 B

<b>Input Berkadar</b>	100 – 240 V AC (50/60 Hz), 1.0 A (100 V) – 0.6 A (240 V)
<b>Output Berkadar</b>	24 V DC, 1.8 A
<b>Suhu Pengendalian</b>	0 – 40°C (32 – 104 °F)

## ■ Pek Bateri NB-CP2LH (Dijual Berasingan)

<b>Jenis</b>	Bateri litium-ion boleh dicas semula
<b>Voltan Nominal</b>	22.2 V DC
<b>Kapasiti Nominal</b>	1290 mAh
<b>Kitaran Pengecasan</b>	Kira-kira 300 kali
<b>Suhu Pengendalian</b>	5 – 40 °C (41 – 104 °F)

## ■ Pek Bateri NB-CP2L (Dijual Berasingan)

<b>Jenis</b>	Bateri litium-ion boleh dicas semula
<b>Voltan Nominal</b>	22.2 V DC
<b>Kapasiti Nominal</b>	1200 mAh
<b>Kitaran Pengecasan</b>	Kira-kira 300 kali
<b>Suhu Pengendalian</b>	5 – 40 °C (41 – 104 °F)

- Semua data berdasarkan pengujian oleh Canon.
- Spesifikasi pencetak atau rupa bentuk dapat berubah tanpa pemberitahuan.

## Pengendalian dan Penyelenggaraan

- Jangan kenakan tekanan yang berlebihan terhadap pencetak, yang mungkin merosakkan pencetak dan menyebabkan kertas tersekat.
  - Jangan dedahkan pencetak kepada racun serangga atau bahan mudah terbakar yang lain. Selain itu, jangan simpan pencetak di tempat bersentuhan dengan getah, vinil, atau produk plastik dalam tempoh masa yang lama, yang boleh merosotkan selongsong.
  - Elakkan kondensasi pada pencetak, yang mungkin berlaku apabila memindahkan pencetak itu dari persekitaran sejuk ke persekitaran panas. Letakkan pencetak dalam beg plastik kedap udara dan biarkannya selaras ke suhu baharu sebelum mengeluarkannya dari beg itu. Jika kondensasi terbentuk, biarkan pencetak kering secara semula jadi dalam suhu bilik sebelum menggunakannya semula.
  - Apabila pencetak menjadi kotor, lapkannya dengan sehelai kain kering dan lembut.
  - Jika lubang udara (📖5) menjadi berdebu, keluarkan kaset dakwat (📖15) sebelum mengelap debu, untuk mengelakkan debu daripada memasuki pencetak dan menjejaskan kualiti cetak.
- 
- ! • Jangan lapkan pencetak dengan pelarut, seperti benzin atau pencair, atau detergen neutral, yang mungkin mengakibatkan kecacatan atau pengelupasan selongsong.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Peringatan Wi-Fi (LAN Wayarles)

- Negara dan Daerah yang Membenarkan Penggunaan WLAN
  - Penggunaan WLAN adalah terhad di sesetengah negara dan daerah, dan penggunaan yang tidak sah mungkin dihukum di bawah peraturan negara atau tempatan. Untuk mengelak daripada melanggar peraturan WLAN, lawati laman web Canon untuk memeriksa tempat yang membenarkan penggunaan.  
Sila ambil perhatian bahawa Canon tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang masalah yang timbul daripada penggunaan WLAN di negara dan daerah lain.
- Melakukan salah satu daripada yang berikut mungkin menyebabkan penalti undang-undang:
  - Membuka atau mengubah suai produk
  - Menanggalkan label pensijilan daripada produk
- Menurut peraturan undang-undang perdagangan asing dan pertukaran asing, kebenaran eksport (atau kebenaran transaksi perkhidmatan) daripada kerajaan Jepun adalah perlu untuk mengeksport sumber atau perkhidmatan strategik (termasuk produk ini) ke luar Jepun.
- Oleh kerana produk ini mengandungi perisian penyulitan Amerika Syarikat, ia berada di bawah Peraturan Pentadbiran Eksport Amerika Syarikat, dan tidak boleh dieksport atau dibawa masuk ke dalam negara yang dikenakan sekatan dagangan oleh Amerika Syarikat.
- Pastikan untuk membuat catatan mengenai tetapan LAN wayarles yang anda gunakan.  
Tetapan LAN wayarles yang disimpan pada produk ini mungkin bertukar atau dipadamkan akibat pengendalian produk ini yang salah, kesan gelombang radio atau elektrik statik, kemalangan atau kepincangan. Pastikan untuk membuat catatan mengenai tetapan LAN wayarles sebagai peringatan. Sila ambil perhatian bahawa Canon tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian atau kehilangan pendapatan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh degradasi atau kehilangan kandungan.
- Apabila memindahkan produk ini kepada orang lain, melupuskannya, atau menghantarnya untuk pembaikan, pastikan untuk membuat catatan mengenai tetapan LAN wayarles dan menetapkan semula produk kepada tetapan lalai (padam tetapan) jika perlu.

- Canon tidak akan membayar pampasan untuk ganti rugi yang disebabkan oleh kehilangan atau kecurian produk.  
Canon tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian atau kehilangan yang disebabkan oleh akses tanpa kebenaran atau penggunaan peranti sasaran yang terdaftar pada produk ini akibat kehilangan atau kecurian produk.
- Pastikan anda menggunakan produk seperti yang diarahkan dalam panduan ini. Pastikan anda menggunakan fungsi LAN wayarles produk ini mengikut garis panduan yang tercatat dalam panduan ini. Canon tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kehilangan jika fungsi dan produk ini digunakan dengan cara selain daripada yang diterangkan dalam panduan ini.
- Jangan gunakan fungsi LAN wayarles produk ini berdekatan dengan peralatan perubatan atau peralatan elektronik lain.  
Penggunaan fungsi LAN wayarles berdekatan peralatan perubatan atau peralatan elektronik lain mungkin menjejaskan pengendalian peranti tersebut.

## Peringatan Gangguan Gelombang Radio

Produk ini mungkin menerima gangguan daripada peranti lain yang memancarkan gelombang radio. Untuk mengelakkan gangguan, pastikan untuk menggunakan produk ini sejauh yang mungkin dari peranti sebegini, atau elakkan menggunakan peranti tersebut pada masa yang sama dengan produk ini.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



## Peringatan Keselamatan

Oleh kerana Wi-Fi menggunakan gelombang radio untuk menghantar isyarat, langkah keselamatan yang lebih ketat diperlukan berbanding semasa menggunakan kabel LAN.

Ingat perkara berikut apabila menggunakan Wi-Fi.

- Hanya gunakan rangkaian yang dibenarkan untuk anda. Produk ini mencari rangkaian Wi-Fi di kawasan berhampiran dan memaparkan hasil pada skrin. Rangkaian yang tidak dibenarkan untuk anda gunakan (rangkaiannya tidak diketahui) juga mungkin dipaparkan. Walau bagaimanapun, cubaan untuk menyambung kepada atau menggunakan rangkaian sebegitu mungkin dianggap sebagai akses tanpa kebenaran. Pastikan anda hanya menggunakan rangkaian yang mana anda diberi kebenaran untuk menggunakannya dan jangan cuba menyambung ke rangkaian lain yang tidak diketahui.

Jika tetapan keselamatan tidak ditetapkan dengan betul, masalah berikut mungkin berlaku.

- Pemantauan penghantaran**  
Pihak ketiga yang berniat jahat mungkin memantau penghantaran Wi-Fi dan cuba untuk memperoleh data yang sedang anda hantar.
- Akses rangkaian tanpa kebenaran**  
Pihak ketiga yang berniat jahat mungkin akan mendapat akses tanpa kebenaran kepada rangkaian yang sedang anda gunakan untuk mencuri, mengubah suai atau memusnahkan maklumat. Selain itu, anda mungkin menjadi mangsa kepada jenis akses tanpa kebenaran lain seperti penyamaran (seseorang menggunakan identiti untuk mendapat akses kepada maklumat tanpa kebenaran) atau serangan loncatan (seseorang mendapat akses tanpa kebenaran kepada rangkaian anda sebagai loncatan untuk menyembunyikan jejaknya ketika menyusup masuk ke dalam sistem lain). Untuk mengelakkan masalah sebegini, pastikan anda benar-benar melindungi rangkaian Wi-Fi anda. Hanya gunakan fungsi Wi-Fi produk dengan pemahaman yang betul mengenai keselamatan Wi-Fi, dan pertimbangkan risiko dan kemudahan apabila melaraskan tetapan keselamatan.

## Ketika Mencetak

Jangan putus sambungan pencetak daripada peranti lain sehingga pencetakan tamat, yang mungkin menyebabkan cetakan tidak lengkap atau tidak betul.



Produk ini boleh mencetak menggunakan PictBridge melalui LAN wayarles. Standard teknikal PictBridge membantu sambungan langsung kamera, pencetak dan peranti lain untuk pencetakan yang mudah. Sokongan untuk standard DPS over IP (standard PictBridge) membolehkan produk untuk mencetak secara wayarles dalam persekitaran rangkaian.

## Lesen WPA Supplicant

### WPA Supplicant

Hak Cipta (c) 2003-2012, Jouni Malinen <j@w1.fi> dan penyumbang Hak Cipta Terpelihara.

Atur cara ini dilesenkan di bawah lesen BSD (dengan klausa pengiklanan yang telah dikeluarkan).

Jika anda sedang mengemukakan penukaran kepada projek, sila lihat fail CONTRIBUTIONS untuk arahan seterusnya.

### Lesen

Perisian ini mungkin diedarkan, digunakan dan diubah suai di bawah syarat lesen BSD: Pengedaran semula dan penggunaan dalam bentuk sumber dan perduaan, dengan atau tanpa pengubah suaian, adalah dibenarkan selagi syarat berikut dipenuhi:

- Pengedaran semula kod sumber mesti mengekalkan notis hak cipta di atas, senarai syarat ini dan penafian berikut.
- Pengedaran semula dalam bentuk perduaan mesti menghasilkan semula notis hak cipta di atas, senarai syarat ini dan penafian berikut dalam dokumentasi dan/atau bahan lain yang disertakan dengan edarannya.
- Baik nama pemilik hak cipta yang disenaraikan di atas mahupun nama penyumbangannya tidak boleh digunakan untuk menyokong atau mempromosikan produk yang berasal daripada perisian ini tanpa keizinan bertulis khusus yang terdahulu.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran



PERISIAN INI DIBERIKAN OLEH PEMEGANG HAK CIPTA DAN PENYUMBANGNYA "SEPERTI TERSEDIA" DAN SEBARANG JAMINAN NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, JAMINAN TERSIRAT BAGI KEPERDAGANGAN DAN KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU ADALAH DINAFIKAN. PEMILIK HAK CIPTA ATAU PENYUMBANGNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SEBARANG KERUGIAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, SAMPINGAN, KHAS, TELADAN ATAU TIDAK PENTING (TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, PEMEROLEHAN BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN GANTI; KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, ATAU KEUNTUNGAN; ATAU GANGGUAN PERNIAGAAN) TIDAK KIRA AKIBATNYA DAN PADA SEBARANG TEORI LIABILITI, SAMA ADA DALAM KONTRAK, LIABILITI KETAT, ATAU TORT (TERMASUK KECUAIAN ATAU SEBALIKNYA) YANG TIMBUL DALAM SEBARANG BENTUK DARIPADA PENGGUNAAN PERISIAN INI, WALAUPUN DIMAKLUMKAN OLEH KEMUNGKINAN KERUGIAN SEBEGITU.

## ■ Tanda Dagang dan Lesen

- Microsoft dan Windows ialah tanda dagang atau tanda dagang berdaftar Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.
- Macintosh dan Mac OS ialah tanda dagang Apple Inc., yang didaftarkan di Amerika Syarikat dan negara lain.
- App Store, iPhone dan iPad ialah tanda dagang Apple Inc.
- Logo SDXC ialah tanda dagang SD-3C, LLC.
- Wi-Fi®, Wi-Fi Alliance®, WPA™, WPA2™ dan Wi-Fi Protected Setup™ ialah tanda dagang atau tanda dagang berdaftar Wi-Fi Alliance.
- Semua tanda dagang lain ialah harta pemilik masing-masing.
- Peranti ini menggabungkan teknologi exFAT yang dilesenkan daripada Microsoft.
- Sebahagian daripada kod yang digunakan dalam perisian tegar ini berdasarkan sebahagian hasil kerja Independent JPEG Group.
- Berdasarkan XySSL: Hak cipta (C) 2006-2008 Christophe Devine Hak cipta (C) 2009 Paul Bakker <polarssl\_maintainer at polarssl dot org> Semua hak cipta terpelihara.

## ■ Penafian

- Mencetak semula, menghantar atau menyimpan dalam sistem dapatan semula mana-mana bahagian panduan ini tanpa kebenaran Canon adalah dilarang.
- Canon berhak untuk mengubah kandungan panduan ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu.
- Ilustrasi dan tangkapan skrin dalam panduan ini mungkin berbeza sedikit berbanding dengan peralatan yang sebenar.
- Walaupun jelas tertera di atas, Canon tidak bertanggungjawab terhadap kerugian akibat pengendalian produk ini dengan cara yang salah.

Penutup

Kandungan

Nama Bahagian

Operasi Asas

Tetapan Cetak

Mencetak melalui Wi-Fi

Mencetak melalui Kabel USB

Penyelesaian Masalah

Lampiran

